

15 APR 1996

ADA ORANG PERNAH DIKENAKAN KEDIAMAN TERHAD DAPAT GELARAN DATUK

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayub berkata terdapat seorang yang dahulunya dikenakan perintah kediaman terhad kerana kegiatannya sebagai bookie, kini bergelar "Datuk".

Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan supaya pihak istana lebih berhati-hati pada masa akan datang dengan terlebih dahulu menyiasat latar belakang seseorang sebelum menganugerahkan gelaran itu kepadanya.

Beliau berkata orang berkenaan pernah dikenakan perintah kediaman terhad selama dua tahun.

Setelah lima tahun dilepaskan daripada perintah kediaman terhad itu, orang itu dianugerahkan gelaran "Datuk".

Megat Junid berkata demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dekat sini, tengah malam tadi setelah mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melepasi ke luar negara.

"Pihak istana boleh merujuk kepada polis tentang latar belakang seseorang sebelum mengurniaknya darjah kebesaran," kata beliau. --

BERNAMA

JM NMO